



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62604 PUTRAJAYA

MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Rujukan Tuan:

Rujukan Kami: KPM.600-4/1/1 JLD.13(97)

Tarikh : **06** Disember 2022

Pengurus

A. W. Faber-Castell (M) Sdn. Bhd.

No. 9, Jalan TP2

Taman Perindustrian Sime UEP

47620 Subang Jaya

Selangor

Puan,

**PENGIKTRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PENGLIBATAN MURID BAGI
PERTANDINGAN MEWARNA *YOUNG ARTIST AWARD 2022* ANJURAN A.W
FABER-CASTELL (M) SDN. BHD.**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak puan adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia mengucapkan tahniah atas usaha pihak **A. W. Faber-Castell (M) Sdn. Bhd.** kerana telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Pertandingan Mewarna *Young Artist Award 2022*** yang dilaksanakan pada 15 Jun hingga 29 November 2022.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian telah menerima serta meneliti laporan penglibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Penglibatan I Peringkat Kebangsaan** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Kebangsaan** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan penglibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid melalui program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak puan. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Nurul Shahida binti Ahmad** di talian **03-88721764** atau e-mel **nurul.shahida@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. LATIP BIN MUHAMMAD)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian
Kementerian Pendidikan Malaysia

LAMPIRAN

PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PENGLIBATAN DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK) KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

JENIS PENGLIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PENGLIBATAN I	Murid yang didaftarkan sebagai atlet/ peserta perkhemahan/ kejohanan/ kursus/ karnival/program pertandingan
PENGLIBATAN II	Pelibatan murid dalam aktiviti seperti: Jawatankuasa pelaksana Petugas Teknikal Persembahan selingan
PENGLIBATAN III	Pelibatan murid yang bersifat meramaikan majlis seperti penyokong, kumpulan sorak dan sebagainya

SKOR PENGLIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Penglibatan I	Penglibatan II	Penglibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4